



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 24 FEBRUARI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SABU TO SOLVE EGG SHORTAGE SOON, NEWS, MALAYSIAN NANBAN -16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)
2.	ISYTIHAR PAKAIAN RUPANYA DAGING BABI SEJUK BEKU, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3.	LIMA NELAYAN DITAHAN, GUNA BOT ORANG LAIN TANGKAP IKAN, NEGERI P.PINANG, SH -27	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	FOUR LABUAN BEACHES NOW SANCTUARIES FOR GREEN SEA TURTLES, HOME, BORNEO POST (KK) -5	
5.	SAFF 2023: FAMA SASAR NILAI JUALAN RM500,000, ASTRO AWANI -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6.	AGROBANK HARAP DANA USAHAWAN AGRO MUDA DITAMBAH, BISNES, HM -32	AGROBANK
7.	KARTEL LOBI HARGA AYAM MINIMUM RM12 SEKILOGRAM, DALAM NEGERI, UM -10	LAIN-LAIN
8.	SMK ARAU JANA PENDAPATAN HASIL HARUMANIS, DALAM NEGERI, UM -31	
9.	TANAM TIMUN RAIH PENDAPATAN RM15,000, DALAM NEGERI, UM -31	
10.	REZEKI AYAM KAMPUNG KACUK, DALAM NEGERI, UM -31	

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Sabu to solve egg shortage soon		
MediaTitle	Malaysian Nanban		
Date	24 Feb 2023	Color	Black/white
Section	News	Circulation	65,000
Page No	16	Readership	415,000
Language	Tamil	ArticleSize	266 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 774
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,321



முட்டைகள் தட்டுப்பாட்டுக்கு விரைவில் தீர்வு

கோலாலம்பூர், பிப். 24-
விரைவில் நோன்புப்
பெருநாள் கொண்டாடப்
படவிருக்கிறது. அப்போது
நாட்டில் முட்டைகளுக்கு
தட்டுப்பாடு இல்லாத
நிலையை உறுதிசெய்ய
அரசாங்கம் தீவிர நடவடிக்கை
களை மேற்கொண்டு வருகிறது
என்று விவசாயம் மற்றும்
உணவு பாதுகாப்பு அமைச்சர்
முகமட் சாபு தெரிவித்தார்.

நேற்று நாடாளுமன்ற
மக்களவையில் மாமன்னரின்
உரை மீதான விவாதத்தில்
கலந்து கொண்டு பேசியபோது
தொழிலாளர் பற்றாக்குறை
காரணமாகவே நாட்டில்
இப்போது முட்டை உற்பத்தி
பாதிக்கப்பட்டிருக்கிறது என்று
அவர் கூறினார்.

அப்போது இடைமறித்துப்
பேசிய ஆயர் ஈத்தாம்
தொகுதிக்கான பாரிசான்
நேஷனல் உறுப்பினர் வீ கா
சியோங் திடிரென 3

அமைச்சர் முகமட் சாபு கூறுகிறார்



முட்டைகளை அவையில்
எடுத்துக் காட்டி சலசலப்பை
ஏற்படுத்தினார்.

இதோ இங்கே நான் 3
முட்டைகளை கொண்டு
வந்திருக்கிறேன். இது
இந்தியாவில் இருந்து கொண்டு
வரப்பட்ட முட்டை. இதன்

விலை 50 காசு.

இன்னொரு முட்டை
மலேசியாவில் உற்பத்தி
செய்யப்பட்ட முட்டை. அதன்
விலை 45 காசு. மலேசியாவின்
முட்டையை விட இந்தியாவின்
முட்டை அளவில் சிறிதாக
இருக்கிறது. ஆனால் அதன்

விலை அதிகம்.

இனியும் எதற்காக அதிக
விலை கொடுத்து இந்தியாவில்
இருந்து முட்டையை
இறக்குமதி செய்ய வேண்டும்
என்று வீ கா சியோங் கேள்வி
எழுப்பினார்.

இது ஒரு தற்காலிக
நடவடிக்கைதான். நாட்டில்
முட்டை உற்பத்தி வழக்க
நிலைக்கு திரும்பிய பிறகு
இந்தியாவிலிருந்து
முட்டையை இறக்குமதி
செய்வது கைவிடப்படும் என்று
முகமட் சாபு கூறினார்.

ஒரு கோழிப்பண்ணை
உரிமையாளர் என்னிடம் புகார்
செய்தார். போதுமான
தொழிலாளர்கள் இல்லாத
காரணத்தினால் முட்டை
உற்பத்தி பாதிக்கப்பட்
டிருக்கிறது என்று அவர்
தெரிவித்தார். இதற்கும்
தீர்வுகான நடவடிக்கை
எடுக்கப்படும் என்று முகமட்
சாபு தெரிவித்தார்.

Isytihar pakaian rupanya daging babi sejuk beku

SEPANG – Taktik licik ejen penghantaran membawa masuk 100 kotak gabus mengandungi daging babi sejuk beku dengan mengisytiharkannya sebagai pakaian gagal selepas berjaya dikesan pihak berkuasa, Selasa lalu.

Dalam serbuan di Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor berjaya merampas kesemua hasilan haiwan itu yang bernilai RM28,000.

Pengarah Maqis Selangor, Mohd. Sobri Md. Hashim berkata, pemeriksaan lanjut mendapati hasilan haiwan seberat 3,475 kilogram (kg) itu diimport dari Vietnam dan dibawa masuk oleh syarikat tempatan.

Bagaimanapun mereka gagal

mengemukakan sebarang dokumen Permit Import yang sah dan Sijil Kesihatan dari negara asal.

“Sampel produk daging babi tersebut akan dihantar ke Makmal Kesihatan Veterinar bagi tujuan persampelan untuk mengenal pasti penyakit African Swine Fever (ASF).

“Kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya,” katanya.

Ujarnya, larangan pengimportan serta membawa masuk daging berkenaan bagi menghalang risiko penularan penyakit ASF ke negara ini yang akan menjejaskan industri peternakan babi negara.



DAGING babi sejuk beku bernilai RM28,000 disita Maqis Selangor di KLIA, Sepang Selasa lalu.

24/2/2023

SINAR
HARIANNEGERI
P.PINANG

27

Lima nelayan ditahan, guna bot orang lain tangkap ikan



Lima nelayan tempatan ditahan untuk tindakan lanjut.

GEORGETOWN- Lima nelayan tempatan ditahan selepas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pulau Pinang ketika sedang menangkap ikan di Pulau Rimau di sini pada jam 6.30 petang, Rabu.

Pengarah Maritim Pulau Pinang, Kepten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, kesemua nelayan termasuk seorang tekong berusia antara 33 hingga 47 tahun itu ditahan dalam Op Pertiwi.

Menurutnya, pemeriksaan mendapati, bot tersebut tidak diusahakan sendiri oleh pemiliknya.

"Ketika menjalankan operasi, kita menahan sebuah bot nelayan tempatan kelas A (kenka) yang dinaiki lima nelayan di 4.6 batu nautika tenggara Pulau Rimau.

"Pemeriksaan mendapati, bot tersebut tidak diusahakan oleh pemilik sendiri dan oleh itu, mereka ini disyaki melakukan

kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985 iaitu melanggar syarat sah lesen," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Kata beliau, bot dan semua nelayan yang ditahan dibawa ke Jeti Pasukan Gerakan Marin Batu Uban dan diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Malaysia untuk tindakan lanjut.

"Amaran dan nasihat sudah diberi kepada pengusaha atau pemilik bot. Oleh itu, kita tidak akan berkompromi untuk mengambil tindakan lebih tegas ke atas mereka yang melanggar undang-undang persekutuan di Zon Maritim Malaysia.

"Sebarang aduan dan salah laku jenayah maritim atau sebarang kejadian keceemasan di laut, orang ramai boleh menghubungi Pusat Operasi Maritim Pulau Pinang di talian **04-26261146** atau **MERS 999** untuk maklum balas segera," katanya.

Headline	Four Labuan beaches now sanctuaries for green sea turtles		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	24 Feb 2023	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	5	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	181 cm ²
Journalist	Bernama	AdValue	RM 505
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,515



Villagers Zainal Nasip (left) and Sidi Yusof received certificates of appreciation from Labuan Fisheries Department for their commitment and contribution to protect marine life. — Bernama photo

Four Labuan beaches now sanctuaries for green sea turtles

LABUAN: The Tanjung Aru, Lubok Temiang, Nagalang and Pohon Batu beaches here are now sanctuaries and nesting sites for green sea turtles (*Chelonia mydas*) following the discovery of the reptiles of late.

Labuan Fisheries Department director Faizal Ibrahim Suhaili said the trend of turtle landings around this island seems to have changed from the marine parks to the shoreline.

"We have identified these beaches as landing sites for green sea turtles after local villagers and an angler found the reptiles onshore.

"Since late January and as of last Saturday (Feb 18), three green sea turtles were found at Tanjung Aru beach," he told Bernama after presenting certificates of appreciation to two individuals who found the reptile this year.

Faizal Ibrahim said on Oct 29 last year, a villager in Pohon Batu beach found a hawksbill sea turtle nest with 55 hatchlings.

"After receiving a report from the village head on the discovery, we immediately collected all the turtle hatchlings and sent them

to the Turtle Rehabilitation Centre at Rusukan Besar Island before being released into the sea," he said.

Faizal Ibrahim said in view of the new trend of turtle landings onshore, the department would be forming 'turtle rangers' involving local villagers this year.

"We will appoint several local villagers to be turtle rangers to monitor turtle landings and protect the reptiles in their respective areas.

"We will apply for an allocation for this purpose, as we believe the trend of turtle landings onshore (at the four beaches) will continue," he said.

He also said that the Labuan Fisheries Department welcomes turtle egg sales to his department (based on current market value) to prevent illegal sales of endangered marine turtles.

Faizal Ibrahim added that more than 22,000 turtle hatchlings (at Kuraman, Rusukan Besar and Rusukan Kecil islands) have so far been protected and rehabilitated by the department (from 2015 to date), with at least 98 per cent having been released to the wild. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/2/2023	ASTRO AWANI	ONLINE	

SAFF 2023: FAMA sasar nilai jualan RM500,000



FAMA turut menasarkankan potensi nilai eksport sebanyak RM3 juta menerusi sesi padanan perniagaan.

KUALA LUMPUR: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menasarkankan untuk meraih nilai jualan sebanyak RM500,000 melalui penganjuran Program Sarawak FAMA Fest 2023 (SAFF 2023) yang bermula Khamis hingga 26 Feb depan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Chan Foong Hin berkata program itu bertujuan mengetengah serta mempromosi produk makanan keluaran usahawan tempatan kepada masyarakat tempatan khususnya di Miri, Sarawak dan Brunei Darussalam.

Beliau berkata SAFF 2023, yang berlangsung di Bintang Mega Mall, Miri, Sarawak, juga merupakan medan pertemuan antara agensi kerajaan, petani dan usahawan dalam menawarkan pelbagai produk serta perkhidmatan pada harga munasabah dan mampu dibeli oleh pengguna.

"FAMA turut menasarkankan kunjungan seramai 20,000 orang dengan nilai jualan sebanyak RM500,000 menerusi penganjuran SAFF 2023 kali ini," menurutnya dalam kenyataan semalam.

Program yang bermula seawal 10 pagi hingga 10 malam itu turut membabitkan pelbagai aktiviti menarik antaranya sesi padanan perniagaan, jualan terus dari ladang, demonstrasi masakan, bermukun (aktiviti hiburan masyarakat Melayu Sarawak) dan pertandingan memasak.

FAMA dalam kenyataan sama turut menasarkankan potensi nilai eksport sebanyak RM3 juta menerusi sesi padanan perniagaan.

Bagi tujuan itu, FAMA akan menemukan usahawan tempatan dengan ejen pemasar dari Brunei, Thailand, Hong Kong dan China untuk membantu memperluas pasaran produk agromakanan domestik ke pasaran global khususnya produk usahawan Sarawak.

"Ia bertujuan untuk menggalakkan usahawan meneroka pasaran global yang lebih luas dan menguntungkan menerusi ejen pemasaran yang memiliki outlet pasaran atau akaun utama di destinasi masing-masing," menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

BELANJAWAN 2023

Agrobank harap dana usahawan agro muda ditambah

Kuala Lumpur: Agrobank berharap pengumuman Belanjawan 2023 dapat menambah lagi dana kepada usahawan agro muda.

Perkara ini kerana golongan muda dilihat semakin memilih kerjaya sebagai usahawan agro bersandarkan bahawa 40 peratus perancangan pembiayaan bank berkenaan adalah dalam kalangan golongan muda.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, peratusan itu dilihat semakin meningkat dari tahun ke tahun, dan dijangka me-

lepas 50 peratus pada masa depan.

Jelasnya, pada tahun lalu, Agrobank memperkenalkan dana itu untuk membiayai usahawan agro muda hasil peruntukkan RM100 juta daripada kerajaan.

"Menerusi peruntukan itu, dana usahawan agro muda sudah dimanfaatkan sejumlah 60 peratus setakat ini. Peratusan itu turut menunjukkan bahawa golongan muda semakin berminat untuk menjadi pemain industri agro di dalam negara.

"Agrobank juga membuat program khusus un-

galakkan lagi mereka berkembang di dalam industri ini," katanya.

Tengku Ahmad Badli Shah turut mengharapkan pengumuman Belanjawan 2023 memberikan tumpuan dalam membangunkan strata pembiakan lembu yang terdiri daripada peringkat nukleus, pengangda dan komersial.

Beliau berkata, ia dalam mengurangkan keberangtungan terhadap pengimporan daging lembu atau lembu hidup untuk disembelih dengan menerusi insentif khas.

"Kami juga mengharap-

kan pengumuman yang memacu pengeluaran dan penggunaan jagung bijirin tempatan dalam kalangan petani dan pengilang makanan ternak dalam negara, melalui galakan insentif pengecualian cukai. Ini bagi memastikan kawalan harga ternakan kepada pengguna berpatutan dan mampu milik.

"Selain itu, memudah dan mempercepat proses permohonan dan kelulusan Kebeharan Merancang daripada pihak berkuasa tempatan, khususnya bagi sektor ternakan dan pertanian," katanya.



Peratusan itu turut menunjukkan bahawa golongan muda semakin berminat untuk menjadi pemain industri agro di dalam negara"

Tengku Ahmad Badli Shah

tuk golongan muda dengan memberi pinjaman modal pusingan, misalnya dengan kadar yang cukup kompetitif sebagai usaha meng-

24/2/2023

UTUSAN

DALAM

10

MALAYSIA

NEGERI

Kartel lobi harga ayam minimum RM12 sekilogram

Oleh FAHMI FAIZ

utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Harga ayam dan telur jika diapungkan tanpa dipantau dengan cermat dan teliti dikhuatiri akan naik terlalu tinggi.

Utusan Malaysia difahamkan, segelintir kartel ayam sudah mula melobi agar harga ayam sebaik diapungkan bermula pada kadar RM12 sekilogram, manakala harga telur pula bermula 55 sen sebiji setelah diapungkan.

Satu sumber penternak kontrak wilayah tengah yang dihubungi semalam mendedahkan, isu desakan kartel menetapkan harga ayam dan telur mengundang kemarahan penternak kontrak yang khuatir

kehidupan rakyat akan terjejas akibat berdepan harga ayam dan telur yang terlalu tinggi di pasaran.

“Dalam kumpulan *WhatsApp* serta perbincangan dengan pemain-pemain gergasi serta kumpulan penternak kontrak, kita lihat pemain besar ini minta harga ayam diapungkan kepada RM12 sekilogram. Telur pula 55 sen mereka minta. Tapi tak tahulah sama ada kerajaan akan ikut atau tidak.

Daripada bermula serendah RM12 sekilogram, nanti mereka sesuka hati naikkan jadi RM15 pula. Kesudahannya, seekor ayam akan jatuh pada kadar RM25 sehingga RM30,” katanya di sini, semalam.

Katanya, langkah mengapungkan harga ayam dan telur,

jika tidak disusuli dengan usaha menasionalisasikan sektor pengeluaran anak ayam serta dedak, hanya akan menambah masalah dalam ekosistem ternakan malah berpotensi membunuh kumpulan penternak kontrak yang rata-rata dipelopori golongan bumiputera.

“Lagi satu, jika kerajaan mengapungkan harga ayam dan telur sekali pun, penternak kontrak masih ditindas oleh kartel dan integrator. Sebab, cuma ada lima syarikat yang terlibat mengimport stok tuai induk atau *grand parent stock* (GPS). Yang kawal anak ayam DOC pun cuma 30 syarikat pengeluarannya.

“Apa pun yang kerajaan buat, ekosistem ayam ini tetap dikawal oleh mereka. Misalnya kerajaan umumkan tarik semula

subsidi, itu bagus sebab jika diberikan subsidi pun, yang dapat adalah lima kartel serta 30 *integrator* yang bekalkan anak ayam sehari (DOC).

“Tapi, apabila kerajaan mengapungkan harga ayam dan telur sekali pun, kerajaan tidak membantu menyelesaikan isu pokok iaitu bekalan anak ayam serta harga dedak ayam. Sebabnya, jika harga ayam diapungkan dan mencecah RM12 sekilogram seperti yang diminta kartel, apakah jaminan bahawa harga DOC dan dedak akan turun dan membantu menyelamatkan penternak kontrak yang selama ini ditindas dari dua sudut ini,” soal sumbu ber yang turut menggesa kerajaan menyegerakan penubuhan lembaga unggas negara.

SMK Arau jana pendapatan hasil harumanis

Oleh ASYRAF MUHAMMAD
utusannews@mediamula.com.my

ARAU: Guru-guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Arau di sini, mengambil pendekatan tersendiri menjana pendapatan dengan menggunakan ruang kosong kawasan sekolah untuk tanam pokok mempelam harumanis.

Hasilnya, selepas beberapa tahun usaha tersebut dilaksanakan dengan kerjasama guru-guru, sekolah berkenaan kini menikmati hasil jualan harumanis.

Tahun lalu, hasil jualan buah mempelam harumanis berkenaan meraih sehingga lebih RM10,000.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengetua SMK Arau, Noryah Md. Noh berkata, terdapat lebih 80 batang pokok yang ditanam di sekeliling kawasan sekolah itu hasil kerjasama guru-guru yang turut memainkan peranan bagi menjayakan usaha tersebut.

Katanya, guru-guru serta kakitangan sekolah mengambil peranan bagi menjaga pokok-pokok berkenaan yang akhirnya membuahkan hasil.

"Kita mencari inisiatif dalam menjana pendapatan tambahan



NORYAH Md. Noh (kiri) meninjau keadaan pokok mempelam harumanis yang ditanam di sekeliling kawasan sekolah yang memberi pendapatan tambahan kepada SMK Arau, Perlis, semalam. - UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD

untuk digunakan bagi tujuan tertentu demi kebaikan sekolah," katanya.

Noryah berkata, buah-buah berkenaan selalunya dijual kepada guru-guru dan kenalan yang berminat dengan harga berpatutan antara RM15 sehing-

ga RM25 sekilogram.

Katanya, hasil keuntungan itu turut digunakan bagi membaik pulih kemudahan infrastruktur di sekolah tersebut dalam memastikan pelajar dapat mengikuti sesi pembelajaran dengan lebih selesa.

Tanam timun raih pendapatan RM15,000



MAT Isa Hassan (tengah) bersama sebahagian ahli Koperasi PVATM Cawangan Hulu Terengganu Berhad yang mengusahakan tanaman timun di Kampung Bukit Tokbat, Hulu Terengganu. - UTUSAN/NOOR HAYATI MAMAT

HULU TERENGGANU: Koperasi Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (PVATM) Cawangan Hulu Terengganu Berhad meraih pendapatan kira-kira RM15,000 hasil jualan timun semusim menerusi projek tanaman perintis di Kampung Bukit Tokbat di sini.

Pengerusinya, Mejar (B) Mat Isa Hassan berkata, tanaman timun batang itu mula diusahakan di kawasan seluas dua hektar tahun lepas dan hasilnya di-tuai tahun lepas dan hasilnya di-tuai bermula 6 Februari lalu dan dijangka keseluruhannya boleh mencecah 10 tan metrik.

Beliau yang juga Ketua Cawangan PVATM Hulu Terengganu berkata, usaha koperasi menceburi sektor pertanian adalah bagi membantu meningkatkan

ekonomi ahli selain membuka peluang pekerjaan kepada veteran tentera dan ahli keluarga.

"Sebelum ini, projek yang dijalankan tidak lancar setelah kebun musnah akibat banjir besar pada Februari dan Disember tahun lepas. Kini projek tersebut membuahkan hasil dengan enam tan metrik sudah dituai sehingga kini.

"Kita jangka dalam tempoh 25 hari tuaian, pungutan hasil mampu cecah 10 tan metrik dengan hasil jualan boleh diraih melebihi RM15,000 bergantung kepada harga pasaran. Hasil dipasarkan kepada pemborong, peniaga setempat serta individu.

"Jumlah ini pemangkin keberhasilan projek pertanian untuk dijadikan penanda aras.

Koperasi PVATM Cawangan Hulu Terengganu Berhad, koperasi veteran pertama di Pantai Timur usahakan projek pertanian jangka pendek seperti timun ini," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Kata beliau, buat masa ini keseluruhan kawasan pertanian koperasi tiga hektar dan pihaknya merancang mengusahakan tanaman terung serta keledak selepas ini bagi meningkatkan lagi ekonomi seramai 56 ahli koperasi.

Menurut beliau, susulan kawasan kebun yang terdedah dengan banjir hanya tanaman jangka pendek boleh diusahakan bagi mengelakkan berlakunya kerosakan dan kerugian akibat bencana alam itu.

24/2/2023

UTUSAN

DALAM

32

MALAYSIA

NEGERI

Sanggup berhenti jadi akauntan ceburi bidang ternakan

Rezeki ayam kampung kacuk

Oleh AMRAN MULUP

utusannews@medianullia.com.my

ALOR GAJAH: Biar pun bekerja sebagai akauntan dengan se-buah syarikat koperasi di Kuala Lumpur dibayar gaji besar, ia tidak menghalang seorang lelaki menceburi ternakan ayam kampung kacuk di Kampung Gubah, Asahan dekat sini.

Bagi Mohd. Zamri Sharief, pemegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Hull, United Kingdom (UK), dia tidak menyesal berhenti kerja serta menubuhkan Koperasi Keluarga Haji Sharief Melaka Berhad atau lebih dikenali sebagai KOP-Khas.

Dia yang juga Setiausaha KOP-Khas berkata, koperasi yang ditubuhkan atas nama arwah bapanya dianggotai tujuh beradik, bapa saudara, ipar, menantu dan anak saudara seramai 28 ahli terlibat sepenuhnya dalam projek pen-ternakan ayam kampung kacuk.

"Keputusan saya berhenti ker-ja sebagai akauntan adalah tepat. Sejak penubuhan KOP-Khas serta meneroka bidang penternakan ayam kampung kacuk, ia sesuatu bidang komersial yang tepat.

"Begitu juga abang sepupu, Faizal Ahmad Shafii (Pengerusi) ambil keputusan berhenti jadi



MOHD. ZAMRI SHARIEF (kanan), Abdullah Sa'adon (tengah) dan Faizal Ahmad Shafii menunjukkan ayam kampung kacuk matang di salah satu daripada lima ladang ternak di Kampung Gubah, Asahan, Alor Gajah, Melaka. - UTUSAN/AMRAN MULUP

kontraktor dan bapa saudara, Abdullah Sa'adon (Timbalan) sanggup tutup bengkel kereta semata-mata mahu tumpu bidang ini.

"Keputusan kami tepat dan sejak ladang ternakan ayam kampung kacuk beroperasi di kawasan seluas 1.4 ekar, 2 Novem-ber 2020, dari 14,000 ekor kini berjaya menternak 25,000 ekor untuk satu pusingan," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*

di sini semalam.

Mohd. Zamri berkata, mereka kini mempunyai lima ladang ternakan dengan kapasiti satu ladang sebanyak 6,000 ekor mengikut saiz antara 1.2 hingga 1.4 kilogram (kg), 1.5 hingga 1.8kg dan 1.9kg ke atas.

Katanya, setakat ini ayam kacuk yang diusahakan menda-pat sambutan daripada pelbagai pihak sehingga tidak mampu menampung permintaan yang

meningkat setiap bulan.

Jelasnya, sehingga kini penge-luaran ayam hidup matang di la-dang ternakan sedia ada berjum-lah 84,600 ekor.

"Dari segi prestasi tahun ke-tahun dan keuntungan untuk aktiviti penternakan berakhir 31 Mei tahun lalu meningkat seba-manyak RM82,864.56 berbanding RM47,846.56 pada 31 Mei 2021," jelasnya.